

# Lahirkan graduan usahawan tani

KUALA LUMPUR 15 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjalankan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi melahirkan usahawan muda dalam bidang pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Hashim Abdullah berkata, melalui kerjasama itu, FAMA akan membantu siswazah terlibat memasarkan produk pertanian yang mereka usahakan di bawah Program Inkubasi Usahawantani.

“FAMA akan menyediakan tempat untuk graduan menjual produk mereka antaranya di bazar Ramadan,” katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dengan FAMA di Puchong, dekat sini hari ini.